

25/02/1997

8 desa nikmati bekalan elektrik

Roselan Ab Malek

KUANTAN: Perhatian menyeluruh kerajaan dalam menangani kemiskinan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara yang pesat.

Usaha itu tetap diteruskan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh (RM-7) yang menjanjikan harapan tinggi kepada rakyat desa bahawa nasib mereka terbela.

Dalam RM-7 yang dibentangkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 6 Mei lalu, pembangunan luar bandar diberikan perhatian utama.

Sebanyak RM18.2 bilion diperuntukkan, terutama untuk pembangunan kemudahan asas luar bandar demi meningkatkan taraf hidup rakyat.

Bagi Pahang pula, kerajaan negeri terus mengutamakan pembangunan luar bandar, terutama bagi penyediaan kemudahan asas seperti bekalan elektrik dan air bersih.

Menurut Menteri Besar, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob, Pahang menerima RM10.4 juta dalam RM-7 khusus bagi pembangunan bekalan elektrik di kawasan luar bandar.

Sehingga hari ini, beliau berkata, 96 peratus penduduk negeri ini sudah mendapat bekalan elektrik.

Daripada jumlah itu, 94 peratus mendapat bekalan elektrik 24 jam dan selebihnya menerima bekalan 12 jam.

Semua penduduk di kawasan luar bandar sudah menerima bekalan elektrik sama ada 24 jam atau 12 jam kecuali beberapa perkampungan Orang Asli yang terpencil.

Beliau berkata, kerajaan bercadang membekalkan elektrik di kawasan Orang Asli dengan menggunakan janakuasa kecil.

"Ini menunjukkan kerajaan mengambil berat mengenai kemudahan asas penduduk, walaupun mereka tinggal di kawasan pedalaman dan sukar dihubungi kecuali melalui sungai.

"Ini terbukti dengan wujudnya bekalan elektrik 12 jam di Ulu Tembeling, Jerantut, yang membabitkan kos RM3.4 juta baru-baru ini," katanya selepas melancarkan bekalan elektrik selama 12 jam di Ulu Tembeling, Kuala Tahan, baru-baru ini.

Kerajaan negeri memperuntukkan RM2.8 juta bagi membina dan membawa talian 33kv yang bermula dari Jerantut ke Ulu Tembeling.

Bekalan elektrik 12 jam ke kawasan Ulu Tembeling itu memberi manfaat kepada kira-kira 3,000 penduduk di lapan kampung di pedalaman membabitkan 535 keluarga.

Kampung itu ialah Kampung Bantal, Seberang, Pagi, Kuala Sat, Jipang, Gusai Mogol dan Mat Daling.

"Keadaan ini sudah semestinya akan mengubah corak hidup mereka, terutama dalam usaha meningkatkan taraf hidup serta sosioekonomi dalam proses urbanisasi dan pemodenan negara menjelang tahun 2020," katanya.

Beliau berkata, dengan bekalan elektrik itu, kerajaan negeri dapat menarik pelabur ke Ulu Tembeling dan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan, sekali gus menyekat penghijrahan belia ke bandar.

Industri hiliran berasaskan bahan mentah seperti getah dan kayu selain pelancongan sesuai dibawa masuk ke situ.

Sementara itu, Pengurus Besar Kanan Tenaga Nasional Berhad (TNB) Bahagian Perbekalan Tenaga, Yusof Ibrahim, berkata semua penduduk kawasan pedalaman Ulu Tembeling dari Kuala Tahan hingga Kampung Mat Daling akan menerima bekalan elektrik 24 jam menjelang 1998 apabila talian 33kv siap sepenuhnya.

Katanya, kerja membekalkan elektrik secara 24 jam sedang giat dilaksanakan.

"Ketika ini, talian 33kv dari Jerantut ke Kuala Tahan sudah siap dan semua kampung tradisional di sepanjang Sungai Tembeling ke Kuala Tahan sudah menerima bekalan elektrik 24 jam," katanya.

Menurutnya, TNB pada masa ini memberi bekalan elektrik 12 jam di kampung lain selepas Kuala Tahan sementara menunggu talian 33kv itu siap.

"Bagi penyediaan bekalan elektrik 12 jam ke Ulu Tembeling, TNB menjalankan kerja memasang sesalur atas voltan rendah (SAVR) talian sejak 15 Ogos 1995.

"Lapan stesen luar bandar (SLB) turut dibina, setiap satu dilengkapi dua unit enjin diesel berkeupayaan 30kw," katanya.

Beliau berkata, TNB bukan mementingkan perniagaan atau keuntungan semata-mata tetapi penekanan kepada aspek khidmat masyarakat kepada rakyat juga diambil kira.

"Ini sejajar hasrat kerajaan negeri dalam memberi kemudahan asas kepada rakyat negeri ini," katanya.

Menurut Yusof, TNB akan melaksanakan 11 projek bekalan elektrik luar bandar (BELB) tahun ini di seluruh negeri Pahang membabitkan kos RM2.1 juta.

Bagaimanapun, penekanan utama TNB ialah memastikan setiap pengguna di negeri ini mendapat sepenuhnya keselesaan bekalan elektrik secara 24 jam atau 12 jam.

Beliau berkata, TNB sudah memberi kemudahan kepada 256,000 pengguna di seluruh Pahang, termasuk bagi kegunaan kediaman, perindustrian, perusahaan dan lampu awam.

Bagi daerah Jerantut, jumlah pengguna ialah 15,000 orang, daripadanya 89 peratus ialah pengguna domestik, 11 peratus perdagangan dan selebihnya pengguna perindustrian dan lampu awam.

Purata permintaan bekalan elektirk di negeri ini ialah 20 peratus iaitu satu angka tinggi berbanding negeri lain.

"Permintaan maksimum pada ketika ini ialah 292 megawatt (MW) dan diramalkan menjelang 2000 kehendak maksimum akan mencapai 700 MW," katanya.

Sementara itu, penduduk Ulu Tembeling yang menerima bekalan elektrik 12 jam itu menyambut langkah kerajaan menyediakan lebih banyak kemudahan asas.

Penduduk Kampung Bantal, Rozman Razak, 30, berkata bekalan elektrik 12 jam itu banyak mengubah cara hidup mereka.

"Selama ini kami terpaksa bergantung kepada pelita minyak tanah untuk menerangi ruang rumah dan lebih sukar kepada anak kami bagi mengulang kaji pelajaran," katanya.

Penduduk Kampung Gusai, Aspa Mat Yusof, 58, berkata pembekalan elektrik itu membuktikan kerajaan negeri mengambil berat kemudahan asas penduduk luar bandar.

"Bekalan elektrik membolehkan penduduk luar bandar tidak lagi berasa ketinggalan," katanya.

(END)